

**Penyerlahan Identiti Remaja Kesan Ketagihan Skrin
Di Media Sosial**
(Teenagers' Identity Exposure From Screen Addiction In Social Media)

¹Nor Fazilah Noor Din
Hishamudin Isam

¹Corresponding e-amil: [fazzy_ila88@yahoo.com.my]

Screen addiction refers to one's inability to control dependency on gadgets, apps, or social media. The global phenomenon is seeing teenagers aged between 13 and 21 years spending a lot of time in cyberspace as one way of realizing their social network on Facebook, Instagram, WeChat, Twitter, Linkin, Tumblr, and blogs. Individuals who face screen addiction problems can affect behavior changes without them being aware. Therefore, this paper examines the issue of screen addiction from a linguistic perspective focusing on youth identity tagging in social media Facebook effects of language use during communication. The study uses this qualitative approach, involving a survey of 1000 Facebook enthusiasts who are experiencing screen addiction based on four criteria set by Social Identity Theory (SIT). The results of the analysis show that young man who are experiencing screen addiction are seen as individuals who have joke element, friendly, competitive, have high confidence and immature, while young girls who belong to the screen addiction group, highlight their identity as an ego, grumpy, fond of chestnut, also have less mature nature. This situation suggests that there is a relationship between the language that teenagers use when communicating with their signaling indirectly.

Keywords: addiction, social media, posting, adolescents, identity


Penggunaan Internet yang kerap mampu memberi kesan terhadap perkembangan sosial, kognitif dan psikologi kanak-kanak atau remaja. Kebanyakan maklumat, pengetahuan, dan pandangan daripada pelbagai sumber dalam talian mempunyai potensi merangsang dan memperkembangkan pemikiran seseorang individu. Walaupun Internet adalah satu medium yang neutral, namun, tahap dan kadar penggunaan yang berbeza akan menentukan kesan positif atau negatif ke atas perkembangan mereka. Misalnya, individu kecanduan atau ketagihan Internet mudah mengalami sindrom seperti terpengaruh dengan capaian maklumat di Internet, meluangkan masa di Internet melebihi keperluan, tahap penggunaan Internet meningkat dari semasa ke semasa, mengutamakan keseronokan di alam maya berbanding bersosial di alam nyata dan sering

menanggihkan urusan harian sama ada di tempat kerja mahupun di rumah.

Kecanduan atau ketagihan secara tradisinya merujuk kepada kebergantungan fizikal atau badan terhadap sesuatu bahan yang boleh menyebabkan ia berlarutan (Holden, 2001). Ketagihan itu sendiri terdiri daripada pelbagai spektrum seperti ketagihan dadah, alkohol, video porno, dan seks bebas. Terkini, pengguna yang begitu taksud terhadap teknologi komunikasi dikenali sebagai ketagihan skrin. Ketagihan skrin daripada aspek psikologi dirujuk sebagai ketidakmampuan seseorang untuk mengawal kebergantungan terhadap gajet, aplikasi, atau media sosial (Paulus, Ohmann, Von Gontard, & Popow, 2018; Ngantcha, Janssen, Godeau, Ehlinger, Le-Nezet, Beck, & Spilka, 2018; Remond & Romo, 2018; Uddin & Mamun, 2018;

Tabotabo, 2017. Secara ringkasnya, ketagihan skrin adalah ketagihan komunikasi yang melibatkan laman sembang seperti Facebook, Instagram,

WhatsApp, WeChat, Twitter, LinkedIn, Tumblr, dan blog. Rajah 1.0 menunjukkan kepelbagaian media sosial dan pengaruhnya di Malaysia.



Rajah 1.0 Kepelbagaian Media Sosial dan Pengaruhnya di Malaysia (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Disember, 2017)

Kewujudan pelbagai laman komunikasi menjadikan dunia komunikasi bertambah rancak dengan menjadikan ruang siber sebagai salah satu cara mewujudkan jaringan sosial mereka. Laman web sosial juga telah menjadi salah satu daya penarik kepada golongan remaja khususnya, dan tidak terkecuali turut menarik minat golongan dewasa dan professional. Oleh sebab itu, laman sosial telah menjadi penyebab kepada ketagihan skrin dalam kalangan remaja pada hari ini. Park, Kee, dan Valenzuela (2009) juga turut mendedahkan bahawa antara keperluan utama seseorang pelajar kolej (remaja) menyertai kumpulan dalam (media sosial) Facebook ialah faktor sosialisasi, hiburan, dan mencari maklumat. Pada masa yang sama, remaja di media sosial juga dikatakan menggunakan media sosial untuk proses mencari status diri. Berdasarkan pernyataan tersebut, penyelidik merasakan *Social Identity Theory* (SIT) boleh membantu dalam memberi gambaran konsep diri individu dan tingkah laku

kumpulan sosial berdasarkan perbezaan status atau bahasa kumpulan sosial berkaitan (McKeown, Haji, & Ferguson, 2016).

Penyelidik daripada bidang psikologi misalnya, telah melihat ketagihan skrin boleh menyebabkan penurunan fungsi aktiviti harian (Shapira, Goldsmith, Keck, Koshla, & McElroy, 2000). Hal ini kerana pengguna cenderung mengakses media komunikasi atau laman sembang dalam jumlah masa yang tinggi. Seperti yang dijelaskan Pempek, Yermolayeva, dan Calvert (2009), remaja telah menghabiskan kira-kira 30 minit sepanjang hari dan telah menjadi sebahagian daripada rutin harian mereka. Maka, tidak hairanlah golongan ini mencatatkan jumlah pengguna yang utama dan aktif sebagai pengguna media sosial (Ellison, Steinfield & Lampe, 2007; Hargittai, 2007; Subrahmanyam, Reich, Waechter & Espinoza, 2008; Agung, Margaretha & Roestamadji, 2011; O’Keeffe, Clarke-Pearson &

Council on Communications and Media, 2011; Lenhart, Madden, Smith, Purcell, Zickuhr, & Lee, 2011; Ahn, 2011; Normah, Wan Amizah, Fauziah, Maizatul Haizan & Helmi, 2013; American Academy of Pediatrics, 2013; Sri, 2017; Twenge, Joiner, Rogers & Martin, 2018).

Manakala dalam bidang linguistik pula, ketagihan skrin boleh dilihat berdasarkan kekerapan pengguna menulis paparan (*Posting*) yang dimuat naik dalam laman sembang atau laman sosial. Hal ini kerana melalui kekerapan menulis, bahasa yang digunakan pengguna (khususnya remaja) dapat ditelusur dengan jelas bertepatan dengan identiti yang diserlahkan remaja. Gea (2010) menyatakan bahawa "...agak sukar untuk kita membentuk pengertian identiti dan personaliti bagi diri sendiri, malah, hakikatnya lebih sukar lagi untuk kita memahami bentuk budaya, identiti, serta personaliti orang lain dengan baik" (hlm. 38). Maka, atas pertimbangan tersebut, penyelidik merasakan perkara ini perlu diselidik kerana terdapatnya hubungan yang signifikan antara bahasa yang digunakan remaja semasa berkomunikasi dengan penyerlahan identiti mereka secara tidak langsung (Huffaker & Calvert, 2005). Bertepatan dengan ledakan media sosial yang semakin meluas, ia telah dianggap sebagai peluang menarik terutamanya untuk remaja menggunakan 'pentas' tersebut sebagai ruang mencipta gaya dan identiti masing-masing (Livingstone, 2008).

Hal ini demikian kerana, teknologi berkomunikasi moden yang sedia ada telah diintegrasikan kepada bentuk yang lebih ekstrem yang mampu mengubah masyarakat pada setiap peringkat, termasuk pada peringkat institusi, interaksi sosial, dan individu. Murphie dan Potts (2017) memberi gambaran bahawa teknologi yang ada masa kini menjadi agen perubahan sosial dan faktor tunggal kepada perubahan sifat

diri seseorang, perjalanan pembangunan sendiri, dan akibatnya sendiri. Interaksi yang berlaku dalam media-media sosial hari ini menyebabkan perubahan signifikan dalam kehidupan masyarakat (khususnya remaja) termasuk cara individu berfikir, berasa, dan bertindak. Syed Ahmad, Nurul Hudani, dan Agnis (2018) menjelaskan perbezaan pemikiran dan tingkah laku remaja ini bergantung kepada tahap kematangan seseorang, sehingga mampu menyerlahkan identiti atau keperibadian berdasarkan perbezaan jantina. Selain itu, perbezaan profil demografik sesebuah masyarakat juga mungkin mempengaruhi perbezaan tingkah laku dan norma seseorang remaja (Muhammad Waseem, Rahmattullah, & Muhammad Saleem, 2015). Maka, amat wajar sekiranya satu kajian alternatif dijalankan bagi melihat dan menjelaskan identiti atau norma kelompok masyarakat tertentu (remaja misalnya) agar bahasa yang digunakan remaja dapat ditelusur bagi menyerlahkan identiti dan personaliti seseorang.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti identiti yang dipamerkan oleh remaja Malaysia menerusi bahasa yang digunakan di media sosial Facebook. Secara khususnya, kajian ini berfokus kepada penyerlahan imej remaja lelaki dan remaja perempuan kesan ketagihan skrin di media sosial Facebook.

Sorotan Literatur

Kajian-kajian berkaitan ketagihan skrin dalam kalangan remaja sudah acap kali dijalankan, baik kajian di dalam negara mahupun kajian antarabangsa. Kajian oleh Mashaei, Asadpour, Pourrashedi, Rezahosseini, Ayatollahi, Bidaki, dan Arab Bani (2013), Brody (2013) Wan Hamzari, Ahmad Fauzi, dan Mokhtar (2011), Mohd Isa, Hashim, Kaur, Ng

(2016), Tabotabo (2017). Paulus, Ohmann, Von Gontard, dan Popow (2018), Ngantcha, Janssen, Godeau, Ehlinger, Le-Nezet, Beck, dan Spilka (2018), Remond dan Romo (2018), serta Uddin dan Mamun (2018) telah mengetengahkan konsep ketagihan skrin yang berlaku dalam kalangan remaja daripada pelbagai sudut, seperti ketagihan gajet, aplikasi *gaming*, atau ketagihan media sosial. Selain itu, kajian oleh Boyd (2015), Norhayati dan Suriati (2015), Cookingham dan Ryan (2015), Willem, Tortajada dan Figueras-Maz (2017), Lyons, McCreanor, Goodwin dan Barne (2017), Chang dan Stamps (2017), Te'eni-Harari dan Eyal (2017), Salomon (2017), Burnette, Kwitowski, dan Mazzeo (2017), Andreassen, Pallesen, dan Griffiths (2017), Charoensukmongkol (2018), Pegg, O'Donnell, Lala dan Barber (2018), Van Oosten, De Vries dan Peter (2018), Branley dan Covey (2018), Dhir, Yossatorn, Kaur, dan Chen (2018) serta Yang, Holden dan Carter (2018) juga telah menjelaskan secara terperinci pola, identiti, dan personaliti remaja kesan daripada media sosial.

Wan Hamzari, Ahmad Fauzi, dan Mokhtar (2011) telah menjalankan kajian ke atas 394 orang pelajar yang terdiri daripada 168 lelaki dan 226 perempuan di salah sebuah universiti penyelidikan bagi mengenal pasti tahap ketagihan Internet mereka. Mashaei, Asadpour, Pourrashidi, Reza Hosseini, Ayatollahi, Bidaki, dan Arab Bani (2013) dalam kajian mereka turut menjelaskan takrif ketagihan Internet sebagai satu keadaan di mana berlakunya salah urus penggunaan Internet sehingga menyebabkan masalah mental, sosial, dan pekerjaan. Selain itu, kajian oleh Mohd Isa, Hashim, Kaur, dan Ng (2016) pula turut menjelaskan bahawa ketagihan telah menjadi masalah yang berpotensi dalam kalangan remaja masa kini. Kajian Brody (2013) menyatakan bahawa rata-rata

kanak-kanak berusia 8 hingga 10 tahun menggunakan hampir lapan jam sehari dengan pelbagai media yang berbeza, manakala, remaja telah menghabiskan masa lebih dari 11 jam sehari. Selain itu, turut didedahkan bahawa televisyen yang dulunya mendominasi medium-medium lain, kian diambil alih oleh penggunaan komputer, tablet, dan telefon bimbit. Selain kajian berkaitan ketagihan skrin, pengkaji lampau juga turut mengupas tentang identiti remaja dan media sosial, contohnya, kajian oleh Herring dan Kapidzic (2015) yang menjalankan kajian terhadap sekumpulan remaja lelaki dan perempuan untuk menjelaskan bentuk personaliti dan perwatakan mereka menerusi penyampaian profil melalui paparan di media sosial (Facebook, Twitter, blog, dan forum sembang). Kajian tanpa teori oleh Van Sama seperti kajian oleh Burnette, Kwitowski, dan Mazzeo (2017) serta Andreassen, Pallesen, dan Griffiths (2017) menjelaskan remaja yang aktif penggunaan media sosial cenderung menunjukkan keegoan dan nilai diri yang tinggi menerusi paparan profil atau siaran berita (*posting*) mereka. Oosten, De Vries, dan Peter (2018) menjalankan kajian untuk mengenal pasti hubungan antara pernyataan diri (berkaitan imej badan seksi) dan konsep diri seksual remaja menerusi pendedahan remaja di rangkaian sosial (SNS). Yang, Holden, dan Carter (2018) dalam kajian mereka meneliti proses pembentukan perbandingan sosial yang berbeza mengikut remaja kesan penggunaan media sosial.

Walaupun kajian lalu telah berjaya menjelaskan banyak perkara dengan penggunaan pelbagai teori dan pendekatan yang empirikal, namun terdapat sedikit kelompangan yang harus diambil perhatian dengan memasukkan elemen kebahasaan menerusi penelitian ujaran, bahasa, atau pemikiran yang diujarkan remaja di media sosial.

Rumusannya, kajian yang dijalankan pengkaji lalu berkaitan ketagihan skrin dan identiti remaja dijalankan secara terpisah-pisah, yang hanya berfokus kepada aspek psikologi semata-mata, sedangkan kajian remaja dan media sosial boleh diperkembang dalam spektrum yang lebih meluas, dengan menggabungkan aspek linguistik. Hal ini kerana bahasa yang digunakan remaja di media sosial Facebook dilihat mampu menyerlahkan identiti remaja secara tidak sengaja.

Metod

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif berpandukan kepada *Social Identity Theory* (SIT) oleh Henri Tajfel yang memperkenalkan konsep identiti sosial sebagai cara untuk menerangkan kelakuan antara kumpulan. SIT dikatakan sebagai salah satu teori psikologi sosial utama yang melihat kepada hubungan antara kumpulan dengan struktur sosial. Prinsip utama SIT adalah meneroka hubungan antara identifikasi dan peraturan tingkah laku dalam kumpulan (McKeown, Haji, dan Ferguson, 2016).

Berbantuan SIT yang memperkenalkan konsep identiti sosial sebagai cara untuk menerangkan kelakuan antara kumpulan, maka penyelidik telah menjalankan tinjauan terhadap 1000 siaran Facebook (*Post*) daripada sepuluh remaja Malaysia (lima remaja lelaki dan lima remaja perempuan) berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan, iaitu:

- i) Responden yang mempunyai jumlah rakan yang melebihi 2000 senarai rakan
- ii) Responden yang dipilih merupakan remaja yang aktif dan kerap mengemas kini siaran (*Post*) (sama ada siaran

- iii) Responden menggunakan bahasa Melayu semasa mengemas kini siaran (*Post*) di Facebook
- iv) Siaran (*Post*) yang dipilih untuk tujuan kajian merupakan siaran yang telah mendapat lebih daripada 50 kesukaan (*Like*) dan 50 komen (*Comment*) daripada khalayak pembaca.

Perkara utama yang menjadi perhatian untuk ditelusuri oleh penyelidik ialah pola bahasa remaja di Facebook, sama ada dari aspek kata, makna kata, frasa, atau ayat yang digunakan remaja. Bahasa ujaran yang digunakan remaja dalam Facebook secara tidak langsung mampu menyerlahkan identiti dan personaliti remaja melalui analisis penggunaan struktur makna dalam bahasa tulisan mereka. Penyelidikan yang dijalankan ini merupakan satu bentuk penelitian awal dalam usaha membantu penyelidik mendapatkan pola atau identiti remaja kesan ketagihan skrin melalui bahasa yang digunakan di media sosial Facebook secara tidak sengaja.

Dapatan Dan Perbincangan

Hasil analisis mendapati kelompok remaja yang mengalami ketagihan skrin terdiri daripada remaja yang telah menggunakan media sosial Facebook untuk tempoh lebih daripada tiga tahun. Daripada jumlah itu, golongan ini merupakan remaja yang berusia antara 13 hingga 21 tahun dan masih menuntut di bangku persekolahan atau institusi pengajian tinggi. Responden juga terdiri daripada golongan yang kerap mengemas kini Facebook, iaitu lebih daripada 50 siaran (*Post*) setiap hari serta setiap siaran utama tersebut turut mempunyai lebih daripada 50 kesukaan (*Like*) dan 50

komen (*Comment*) daripada khalayak pembaca.

Selain itu, faktor pemilihan responden juga adalah berdasarkan kepada jumlah senarai rakan. Kesemua responden yang dipilih terdiri daripada responden yang mempunyai lebih daripada 2000 senarai rakan. Data mentah kajian diperolehi melalui siaran remaja yang menggunakan bahasa Melayu, namun, untuk tujuan kajian ini, penyelidik masih menerima siaran yang menggunakan beberapa istilah atau campuran bahasa asing seperti bahasa Inggeris.

Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara identiti yang terserlah daripada responden lelaki dan perempuan (seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2). Pada masa yang sama, kedua-dua kelompok ini turut menyerlahkan imej kurang matang dalam komunikasi di media sosial Facebook.



Rajah 2 Perbandingan Penyerlahan Identiti Lelaki dan Perempuan Kesan Ketagihan Skrin

Menerusi paparan dalam rajah di atas, kesemua ciri atau identiti yang didedahkan adalah berdasarkan pertimbangan daripada bahasa ujaran yang ditulis di media sosial Facebook peribadi sepuluh remaja (lima remaja lelaki dan lima remaja perempuan) yang mengalami ketagihan skrin secara tidak sengaja. Sikap atau *attitude* seseorang merujuk kepada bentuk pemikiran, perasaan dan tindak balas yang tersusun dan konsisten ke atas individu, kumpulan, isu-isu sosial mahupun apa-apa peristiwa di persekitaran (Kamilia & Chee, 2012).


Penghantaran dan pengemaskinian status atau siaran (*Post*) bukan hanya bertujuan untuk memberitahu dan menyatakan apa yang dilakukan, peristiwa yang berlaku, atau dimana individu atau sekumpulan itu berada. Namun disebalik aktiviti ini, ruangan status juga mempunyai fungsi komunikasi seperti menegur, memberi komen, mencadangkan, mengeluarkan amaran, larangan, nasihat, dan sebagainya. Maka, tidak hairanlah ruang status dianggap sebagai ruang perkongsian maklumat dan juga ruang perkongsian emosi pengguna. Dalam ruang status Facebook, setiap pengguna bebas menulis apa sahaja yang terfikir

dan ingin disampaikan kepada rangkaian sosial mereka. Maka, dalam setiap ungkapan status, bukan sekadar struktur bahasa yang diperlihatkan namun disebalik struktur ini ada suatu tindakan atau lakuan yang sedang dipersembahkan kepada rangkaian sosial mereka yang seterusnya akan menyerlahkan identiti mereka secara tidak langsung. Seperti yang dijelaskan oleh SIT, kumpulan manusia tertentu boleh mewakili sifat-sifat yang saling berkaitan sama ada sikap, tingkah laku, adat, pakaian, dan bahasa (Dashtipour, 2012). Melalui sikap dan bahasa misalnya boleh memaparkan kesamaan atau perbezaan keseluruhan antara kumpulan. Bahasa yang digunakan dalam sesebuah kumpulan atau komuniti membentuk perwakilan penyesuaian kreatif dan inovatif oleh pengguna

bahasanya (Crystal, 2001). Keunikan dan identiti sesebuah kumpulan sosial boleh dikenal pasti melalui penggunaan bahasa yang terungkap melalui penggunaan kata yang khusus, topik perbualan tertentu, dan sikap bersama sesebuah kelompok (Eastman 1985, Widdicombe, & Wooffitt, 1995, Huffaker, 2004, Smith-Hefner, 2018).

Identiti Remaja Lelaki

Graf di bawah menunjukkan beberapa identiti yang dikenal pasti daripada 1000 siaran (*Post*) yang telah dianalisis daripada remaja yang mengalami ketagihan skrin.



Graf 1 Identiti Remaja Lelaki Kesan Ketagihan Skrin

Hasil dapatan menunjukkan, identiti yang diserlahkan oleh remaja lelaki kesan daripada ketagihan skrin adalah memiliki unsur kecindan (472 siaran), mesra (231 siaran), berdaya saing (157 siaran), mempunyai keyakinan diri yang tinggi

(88 siaran), dan bersifat kurang matang (52 siaran). Walau bagaimanapun, hanya dua identiti yang mencatat kekerapan tertinggi yang akan dianalisis seperti dalam Jadual 1.0.

Jadual 1
 Analisis Identiti Lelaki Kesan Ketagihan Skrin

| Serlahan Identiti | Siaran (Posting) | Penggunaan kata / frasa |
|-------------------|---|--|
| Kecindan | <p>Asalamualaikum..😊☐Selamat pagi kawan2...😊☐keindahan wajah mu sama seperti keindahan suria yg menerangi alam maya pagi ni.. Terus kanlah tersenyum seandainya itu dpt membahagiakan awak walopon senyuman itu bukan utk sy ye..😊☐ (/IPT/LB/19/64)</p> <p>..👤☐Budak2 hot kt fb ni suka bg post mcmni..anda suka Bau rokok x?Yes or no..?👤☐Padahal die kat umah mencekik rokok 4kotak seminggu..😊☐hahaha... Nampak sangat temberang kan..😊☐Salam maghrib awak..</p> <p>Asalamualaikum..😊☐ (L/IPT/B/21/66)</p> | <ul style="list-style-type: none"> [Teruskanlah tersenyum seandainya itu dpt membahagiakan awak walopon senyuman itu bukan utk sy ye..😊☐] [mencekik rokok 4kotak seminggu] |
| | <p>Penat la niari. Sukan, HW, 2syen. Ahh xkira lagi mak upah ke shop! Tp penat lagi kejar hati awak tuee...😊☐hahaha...👤☐ (L/S/B/17/57)</p> | <ul style="list-style-type: none"> [penat lagi kejar hati awak tuee...😊☐] |
| | <p>Kebosnan ni, buatkn ku tringatkan dirimu.. apa khabar kmu d sna..😊☐ terang chya malm ni kan.. betul la kata org, Klau bulan bercahaya kt bumi,awk bercahaya kt hati sya .😊☐ . (L/IPT/B/18/66)</p> | <ul style="list-style-type: none"> [Klau bulan bercahaya kt bumi,awk bercahaya kt hati sya] |
| | <p>Asalamualaikum..😊☐Selamat malam penduduk bumi yg baik😊☐9..😊☐Kalo nak dapat jodoh yg baik akhlaknya, cari lah yg biasa tidur awal di mlm hari.. Kerana hanya wanita/lelaki yg baik saja biasa tidur awal sebab dia xkan buat hal lg selepas itu..😊☐👤☐☐ Goodnight calon2 isteri ku...👄☐☐😊☐👤☐👤☐ (L/IPT/B/21/59)</p> | <ul style="list-style-type: none"> [Goodnight calon2 isteri ku...] |
| Mesra | <p>Asalamualaikum..😊☐Selamat malam penduduk bumi yg baik😊☐9..😊☐Kalo nak dapat jodoh yg baik akhlaknya, cari lah yg biasa tidur awal di mlm hari.. Kerana hanya wanita/lelaki yg baik saja biasa tidur awal sebab dia xkan buat hal lg selepas itu..😊☐👤☐☐ Goodnight calon2 isteri ku...👄☐☐</p> | <ul style="list-style-type: none"> [Asalamualaikum..😊☐☐] [Selamat malam penduduk bumi yg baik😊☐☐] [Goodnight calon2 isteri ku...] |

😊☐👤☐👤☐
(L/IPT/B/21/65)

Assalamualaikum. Jwb, jgn xjwb. Ap kabare fbians? 😊 Pagi2 dah menghadp pantai. Stress dgn kerja sekolah xkesudh juga. Ap hrs ku buat nih.. ?? cdangan plss.. (L/S/LB/16/59)

- [Assalamualaikum]
- [Ap kabare fbians?]

Assalamualaikum..😊☐Selamat pagi kawan2...😊☐keindahan wajah mu sama seperti keindahan suria yg menerangi alam maya pagi ni.. Teruskanlah tersenyum seandainya itu dpt membahagiakan awak walopon senyuman itu bukan utk sy ye..😊☐
(L/IPT/LB/19/78)

- [Assalamualaikum..😊☐Selamat pagi kawan2...😊☐keindahan]

Selamat pagi semua yang manis² dan yang semm2..👉☐😊☐aku tau aku x se semm kau..aku x hot mcm kau..tapi aku suka buat orang lain ketawa atas tingkah laku aku.. (L/S/B/15/67)

- [Selamat pagi semua yang manis² dan yang semm2.👉☐]

..👤☐Budak2 hot kt fb ni suka bg post mcmni..anda suka Bau rokok x?Yes or no..?👤☐☐Padahal die kat umah mencekik rokok 4kotak seminggu..😊☐
☐hihihi... Nampak sangat temberang kan..😊☐Salam maghrib awak..
Assalamualaikum..👉☐(L/IPT/B/21/54)

- [☐Salam maghrib awak..]
- [Assalamualaikum..👉☐]

Petunjuk:

CONTOH: (L/S/LB/17/45)

L- Lelaki

S – Sekolah

IPT – Institut

LB – Luar Bandar

B – Bandar

17 – Umur

45 – Kecepatan Posting

Berdasarkan Jadual 1, dua identiti yang terserlah kesan ketagihan skrin dalam kalangan remaja lelaki adalah unsur kecindan dan sifat mesra. Kedua-dua konsep diri ini diperolehi daripada keanggotaan yang dianggap dalam kumpulan yang sama mengikut kebiasaan

sosial mereka seperti pertimbangan yang dinyatakan oleh SIT. Unsur kecindan yang diselitkan dalam bahasa tulisan turut mengundang rasa senang pihak lain. Unsur kecindan yang digunakan dalam bahasa bertulis mereka mengukuhkan lagi bahawa kelompok ini sememangnya


memiliki imej yang begitu mesra antara satu sama lain. Pada masa yang sama, penggunaan *pickup line* seperti [penat lagi kejar hati awak tuee] dan [Klau bulan bercahaya kt bumi, awk bercahaya kt hati sya] yang menjadi *trending* dalam kalangan remaja turut membantu dalam menyerlahkan identiti remaja lelaki sebagai individu yang memiliki unsur kecindan. Menurut Kamus Dewan (2007), kecindan ialah satu bentuk gurau senda, jenaka, atau bermulut manis antara satu pihak dengan pihak lain. Kata kecindan boleh juga dimaksudkan dengan sesuatu percakapan atau cerita yang menggelikan hati. Seperti yang dijelaskan dalam Jadual 1, remaja lelaki menggunakan beberapa perkataan, frasa, atau kesimpulan yang tidak dijangka atas sesuatu keadaan, kejadian atau kisah yang sekaligus menimbulkan rasa senang kepada khalayak. Justeru, pandangan Omwake (1937) mengukuhkan bahawa remaja lelaki lebih gemar menggunakan kata yang lucu berbanding perempuan, “*adolescent boys showed a greater liking for the ‘shady’ joke than did the girls of the same age and older college students*” (hal. 688).

Selain itu, bahasa yang digunakan kelompok lelaki dilihat mempamerkan kemesraan, sama ada kemesraan terhadap rakan sesama jantina atau sebaliknya. Rata-rata kelompok ini mengungkapkan salam sebagai pembuka dan penutup bicara mereka. Colman, (2015)

menerusi *A Dictionary of Psychology* mentakrifkan mesra sebagai sesuatu yang menyenangkan. Ucapan salam [Assalamualaikum], [selamat pagi], [salam maghrib], dan [good night] yang diberikan kepada khalayak jelas menunjukkan kelompok ini begitu prihatin akan kesejahteraan khalayak pembaca dengan mengungkapkan salam sebagai doa kesejahteraan buat rakan di alam maya. Rahmat (2014) menjelaskan bahawa seorang muslim yang mengawali mengucapkan salam sifatnya adalah sukarela. Maka, atas pertimbangan tersebut dapat dirumuskan bahawa remaja yang mendahului ucapan salam kepada seseorang merupakan satu tindakan yang dijalankan secara sukarela dengan tujuan untuk menyapa seseorang atau menimbulkan kemesraan. Seperti yang dijelaskan oleh Hasmidar (2013) ucapan salam atau selamat dapat dijelaskan sebagai pertukaran pernyataan perasaan, perasaan ramah mesra antara dua individu atau kumpulan yang berinteraksi bertujuan memenuhi kewajiban sosial dan mengukuhkan hubungan antara manusia.

Identiti Remaja Perempuan

Graf 2 menunjukkan beberapa identiti remaja perempuan yang diserlahkan secara tidak sengaja melalui bahasa yang digunakan dalam siaran (*Post*) di Facebook.



Graf 2 Identiti Remaja Perempuan Kesan Ketagihan Skrin

Hasil dapatan menunjukkan, identiti yang diserlahkan oleh remaja perempuan kesan daripada ketagihan skrin adalah sifat ego (413 siaran), pemarah (317 siaran), suka berangan-angan (170 siaran), dan bersifat kurang

matang (100 siaran). Walau bagaimanapun, hanya dua identiti yang mencatat kekerapan tertinggi yang akan dianalisis seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Analisis Identiti Perempuan Kesan Ketagihan Skrin

| Serlahan Identiti | Siaran (Posting) | Penggunaan kata / frasa |
|-------------------|---|---|
| Ego | <i>Ape prasaan korang klau mse tu korang ngah happy ii ronda pusing kg, ada beberapa hekor mamat phewit2 kan korang. Hishh,, tak hingin aku layan! I ni from KL ok, mna pandang]Datng ni pun sbb momy ajak jenguk kg nenek. (P/S/B/15/57)</i> | <ul style="list-style-type: none"> [tak hingin aku layan!] [I ni from KL ok, mna pandang] |
| | <i>Aq ni bkn calang2, nk lwn dgn Aq konon. Kowank tu budax bawue, melebihih...PMR pun belom, belagak mcm hebat, kowank xkenal lg Aq beb! (P/S/B/17/66)</i> | <ul style="list-style-type: none"> [Aq ni bkn calang2], [boleh ke. Aku KILAH ler ni.. mn penah di blkg] |
| | <i>Sorry ye Dyan xlayan, otak serabut. Tambah klu muka kamu mcm org pecah rumah! Ahhahaak (P/IPT/LB/19/59)</i> | <ul style="list-style-type: none"> [Dyan xlayan] [muka kamu mcm org pecah rumah!] |
| | <i>Chat yg blom dibacew 300. Huuu.. sorry</i> | <ul style="list-style-type: none"> [dyan lyn yg dyan kenal aje!] |

| | | |
|---------|---|---|
| | <p><i>ye, dyan lyn yg dyan kenal aje! Yg dyan xminat tu sory larh.</i> (P/S/B/15/57)</p> <p><i>Perasan hebat sgt! Xtgok kiri kanan, jr buat cara jr! kiterang yg sr jgn pndang2 seblh mate.. watchout!</i> (P/IPT/B/21/62)</p> | <ul style="list-style-type: none"> • [Yg dyan xminat tu sory larh] • [Perasan hebat] • [kiterang yg sr jgn pndang2 seblh mate] |
| Pemarah | <p><i>Blh ke kau la semua tu.. blahh la! Mampos.</i> (P/S/LB/16/52)</p> <p><i>Bodoh rupanya, aq x awek kau, x tunang kau, x bini kau! Jauh sekali. Nk cmbur bagai, nk larang bagai2. Damn..!</i> (P/IPT/B/18/67)</p> <p><i>Bodoh punya pmpuan..kalau kau brani sgt, face 2 face..jgn mengata blakang je. Smpai biler2 pun xslesai.</i> (P/S/B/16/53)</p> <p><i>Simpan bangang kau tu skit dol..! aku xterkesan pun umptan kau pd memb2 lain.</i> (P/S/B/17/61)</p> <p><i>Buat kerja gila! Xdak nya aq nak ikut cara kerja kau. Aku,aku. Kau, kau la!</i> (P/IPT/LB/21/51)</p> | <ul style="list-style-type: none"> • [Macam aq hadap sgt dgn tu. • [blahh la!] • [Mampos.] • [bodoh] • [damn!] • [Bodoh punya pmpuan..] • [bangang] • [dol] • [buat kerja gila] • [Xyh menyibuk!] |

Petunjuk:

CONTOH: (P/S/LB/17/45)
P- Perempuan
S – Sekolah
IPT – Institut
LB – Luar Bandar
B – Bandar
17 – Umur
45 – Kekerapan Posting

Identiti Remaja Perempuan

Berbeza dengan beberapa ciri identiti remaja lelaki, kelompok remaja perempuan yang termasuk dalam kategori ini digambarkan mempunyai sifat ego yang begitu tinggi. Kerbersamaan identiti yang ditunjukkan oleh kelompok ini adalah berdasarkan pertimbangan oleh

SIT, iaitu sesetengah emosi dan nilai seseorang boleh diberikan kepada anggota kumpulan yang melingkungi persekitarannya (Dashtipour, 2012). Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2, kata dan ungkapan yang berbentuk *narcissism* atau rasa megah diri ditunjukkan dengan jelas dalam siaran (*Post*) di Facebook remaja perempuan.

Selain itu, remaja perempuan juga sering merasakan diri mereka merupakan individu yang terbaik dan sempurna tanpa memikirkan perasaan khalayak pembaca yang lain. Secara tidak langsung, sifat sombong dapat diserlahkan dalam identiti remaja perempuan. Penggunaan kata atau ungkapan yang kurang sopan (seperti dalam Jadual 2) seperti [Perasan hebat], dan [tak hingin aku layan!] telah menimbulkan rasa kurang senang oleh pihak lain. Ego merujuk *Oxford Living Dictionaries* (2017) ialah perasaan mementingkan diri atau menganggap diri sendiri lebih istimewa daripada orang lain. Manakala kamus Pelajar (2009) menerangkan sifat ego sebagai satu keadaan mementingkan diri sendiri atau sifat bermegah akan diri sendiri. Elkind (1967) memberi gambaran bahawa sifat ego wujud akibat kegagalan membezakan antara kebimbangan kognitif orang lain. Berdasarkan pertimbangan tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa frasa seperti [I ni from KL ok, mna pandang], [Aq ni bkn calang2], [boleh ke. Aku KILAH ler ni.. mn penah di blkg], dan [kiterang yg sr jgn pndang2 seblh mate] jelas menggambarkan sifat ego dalam diri remaja. Pada masa yang sama, ungkapan yang dizahirkan tersebut turut mengukuhkan bahawa remaja tersebut mempunyai anggapan dirinya yang lebih terbaik atau sempurna daripada individu lain.

Di samping itu, remaja perempuan yang mengalami ketagihan skrin juga turut menyerlahkan identiti atau sikap pemaarah sama ada melalui siaran (*Post*) utama atau melalui siaran komen. Siaran yang dimuat naik untuk tatapan khalayak menunjukkan remaja sering meluahkan rasa kurang senang atau rasa tidak puas hati terhadap individu lain. Seperti yang dinyatakan oleh Nor Shafrin, Nor Hashimah, dan Rahimi (2009), remaja perempuan cenderung menunjukkan kemarahan secara vokal, iaitu memaki hamun atau mengeluarkan kata kesat.

Perasaan marah remaja perempuan diserlahkan melalui beberapa kata atau frasa seperti [sakit hati], [nak terbakar], dan [panas hati]. Pada masa yang sama, kata-kata yang berkonotasi negatif juga menyerlahkan identiti pemaarah remaja terbabit, misalnya dengan penggunaan kata [bodoh], [mampus], [ingat hebat sangat!], dan [p mati la kaw]. Pemaarah menurut *Oxford Living Dictionaries* (2017) ialah orang yang cepat atau lekas marah. Sikap lekas marah boleh dikatakan sebagai satu tingkah laku atau maklum balas secara melulu. Seperti yang dijelaskan oleh Arnett (1992), teori perkembangan tingkah laku melulu yang ditonjolkan dalam kalangan remaja turut menggambarkan nilai egosentrisme dalam diri remaja terbabit. Spielberg, Johnson, Russell, Crane, Jacobs, dan Worden (1985) mendedahkan tujuh bentuk tambahan kemarahan, antara daripadanya ialah serangan secara verbal, misalnya penggunaan bahasa tulisan [bodoh], [mampus], [ingat hebat sangat!], dan [p mati la kaw] merujuk kepada serangan lisan (secara tidak langsung pengucapan tersebut diungkap dalam bentuk bertulis) kepada pihak tertentu kesan daripada ekspresi marah.

Satu persamaan penyerlahan identiti bagi kedua-dua kelompok remaja tersebut ialah golongan ini digambarkan memiliki imej kurang matang kerana siaran (*Post*) yang dipaparkan dilihat hanya berpihak kepada diri sendiri tanpa mempertimbangkan kesan dan akibat pada pihak lain. Haiyan (2004) menjelaskan remaja berada dalam satu peringkat masa yang kritikal kerana termasuk dalam tempoh peralihan dari zaman kanak-kanak yang tidak matang untuk menjadi dewasa yang matang. Oleh sebab itu, faktor persekitaran dan pergolakan dalaman yang berlaku dalam kalangan remaja mempengaruhi sikap dan penggunaan kata dalam kehidupan seharian.

Rumusannya, berdasarkan pengamatan dan penelitian yang telah dijalankan, golongan ini dipaparkan sebagai individu yang bertenaga dan energetik, tetapi aspek mental pula dilihat begitu lemah, kurang matang, dan mudah terpengaruh dengan unsur negatif. Seperti yang dinyatakan melalui pengaplikasian SIT, teori ini telah menggambarkan bagaimana kumpulan boleh mencipta stereotaip yang diterapkan dalam lingkungan mereka (Dashtipour, 2012). Melalui kajian identiti dan personaliti remaja dalam media sosial, penyelidik mampu mendedahkan sifat diri, perwatakan, tingkah laku, gaya hidup serta keperibadian dalam spektrum seorang remaja secara tidak sengaja akibat terlalu leka dengan skrin. Seperti yang dinyatakan oleh Noradilah dan Mansor (2009), kesejahteraan psikologi atau kesihatan mental turut dipengaruhi oleh faktor personaliti seseorang individu. Maka, hasil kajian ini diharapkan mampu memberi pendedahan berguna berkaitan kesihatan mental golongan remaja masa kini.

Kesimpulan

Golongan remaja dilihat sebagai golongan yang dominan menggunakan media sosial dengan kepelbagaian ragam dan variasi bahasa dalam talian tanpa batasan. Hal ini dikukuhkan oleh kajian Androutsopoulos (2014), iaitu media sosial berkeupayaan membantu perkembangan variasi bahasa sehinggalah membawa pengaruh terhadap identiti dan nilai yang dipegang sesuatu masyarakat. Perkembangan yang berlaku dalam talian bahasa komunikatif tumbuh seiring dengan pengalaman, persekitaran pengguna, serta komuniti linguistik yang terlibat secara langsung atau tidak langsung (Siti Hamin & Azianura, 2012). Maka, atas faktor tersebut, penyelidik merasakan kajian ini telah memberi suntikan baharu dengan

memasukkan elemen kebahasaan sebagai salah satu kesan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja. Atas pertimbangan tersebut, kategori kajian ini telah menyumbang kepada kepelbagaian pendedahan maklumat berkaitan *life-style* atau gaya sosial remaja (yang mengalami ketagihan skrin) sehingga menyerlahkan identiti mereka secara tidak langsung. Hal ini disokong oleh pandangan Abdullah (2009), bahawa perubahan yang berlaku pada lakuan individu adalah disebabkan adanya perubahan pada bahasa yang kita gunakan. Kajian ilmu linguistik moden kini juga mengandaikan bahawa bahasa adalah hasil ciptaan manusia dan menganggap hakikat bahasa mempunyai kaitan dengan hati budi seseorang (Hashim, Rozita & Halimah, 2013).

Menurut pandangan tokoh akademik, Profesor Diraja Ungku Aziz (2005) kebanyakan remaja di negara ini kini menghadapi krisis identiti yang menyebabkan golongan ini tidak tahu membuat sesuatu keputusan. Kini, kita turut berhadapan dengan cabaran yang dicetuskan oleh falsafah dan sains Barat Moden, termasuk teknologi dan ideologinya. Maka, sejajar dengan kerancangan penggunaan media sosial, pelbagai identiti remaja dapat diserlahkan melalui bahasa pertuturan atau bahasa tulisan di media sosial, lebih-lebih lagi bagi majoriti remaja Malaysia yang terpengaruh dengan ketagihan skrin. Pendedahan identiti remaja berdasarkan penulisan di laman sosial boleh dijadikan pemangkin untuk mengenal dengan lebih dekat akan budaya dan kehidupan remaja itu sendiri. Hal ini kerana, dengan pendedahan identiti remaja ini mampu memberi nilai tambah kepada masyarakat amnya dalam mengenali kehidupan remaja di Malaysia. Dari sudut kemanusiaan, kajian ini berupaya memberikan pendedahan kepada masyarakat bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara bahasa yang

digunakan remaja semasa berkomunikasi di Facebook dengan penyerlahan identiti mereka secara tidak langsung. Bertepatan dengan *Social Identity Theory* (SIT) oleh Henri Tajfel, kajian merumuskan bahawa sesebuah organisasi (atau masyarakat) boleh mengubah tingkah laku individu jika ia dapat mengubah suai identiti diri mereka atau sebahagian daripada konsep diri mereka yang berasal daripada bahasa, pengetahuan, dan keterkaitan emosi kepada kumpulan (McKeown, Haji, & Ferguson, 2016).

Rujukan

- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu di persimpangan: Antara jati diri dengan Rempuhanglobalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 16(2009), 59-81.
- Agung Santoso Pribadi, Margaretha Maria Shinta Pratiwi & Roestamadji Brotowidagdo. (2018). Motif Afiliasi Pengguna Aktif Facebook. *Proyeksi*, 6(2), 50-57.
- Ahn, J. (2011). Digital divides and social network sites: Which students participate in social media?. *Journal of Educational Computing Research*, 45(2), 147-163.
- American Academy of Pediatrics (2013). Children, adolescents, and the media. *Journal of American Academy of Pediatrics Clinical Report*, 132(5), 958-961.
- Androutsopoulos, J. (2014). Beyond 'media influence'. *Journal of Sociolinguistics*, 18(2), 242-249.
- Antheunis, M. L. & Schouten, A. P. (2011). The effects of other-generated and system-generated cues on adolescents' perceived

Penghargaan

Penulisan kertas kerja ini ialah sebahagian daripada penulisan tesis Ijazah Doktor Falsafah yang sedang diusahakan oleh penulis, Nor Fazilah Noor Din, bersama penyelia (Dr. Hishamudin Isam) di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia.

- attractiveness on social network sites. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 16(3), 391-406.
- Arnett, J. (1992). Reckless behavior in adolescence: A developmental perspective. *Developmental review*, 12(4), 339-373.
- Brody, J. E. (2013). Effective addiction treatment. *New York Times*, 2, 17.
- Charoensukmongkol, P. (2018). The impact of social media on social comparison and envy in teenagers: The moderating role of the parent comparing children and in-group competition among friends. *Journal of Child and Family Studies*, 27(1), 69-79.
- Chee, L. K., & Kamilia Ghazali. (2012). "Saya Suka Tapi Tak Bangga"—Satu Kajian Sikap Bahasa. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(1), 275-291.
- Colman, A. M. (2015). *A dictionary of psychology*. Oxford University Press, USA.
- Crystal, D. (2001). *Language and the Internet*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Dashtipour, P. (2012). *Social identity in question: Construction, subjectivity and critique*. Routledge.
- Dictionary, O. E. (2017). Oxford living dictionaries. Oxford University Press.
- Eastman, C. M. (1985). Establishing social identity through language use. *Journal of language and social psychology*, 4(1), 1-20.
- Elkind, D. (1967). Egocentrism in adolescence. *Child development*, 1025-1034.
- Ellison, N. B., Steinfield, C., & Lampe, C. (2007). The benefits of Facebook "friends: Social capital and college students' use of online social network sites. *Journal of computer-mediated communication*, 12(4), 1143-1168.
- Gea, A.A. (2010). Pengembangan culture, self, and personaliti dalam diri manusia. *Jurnal Humaniora*, 1(1). 37-48.
- Haiyan, K. (2004). A study on parent-adolescent conflicts. *Psychological Science-Shanghai*, 27(30), 696-700.
- Hashim Musa, Rozita Che Rodi & Halimah Pondo. (2013). Bahasa Melayu dan Konsep Kebenaran Ilmu Berdasarkan Pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Kemanusiaan*, 20(1), 1-22.
- Hasmidar Hassan. (2013). Ucapan selamat, ungkapan anomali namun dimengerti dalam komunikasi: penjelasan dari perspektif pragmatic. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 22-40.
- Hargittai, E. (2007) Whose space? Differences among users and non-users of social network sites, *Journal of Computer-Mediated Communication*, 13(1), 276-297.
- Holden, C. (2001). 'Behavioral'addictions: do they exist? *Science*, 294(5544), 980-982.
- Huffaker, D. (2004). *Gender similarities and differences in online identity and language use among teenage bloggers* (Doctoral dissertation, Georgetown University).
- Huffaker, D. A., & Calvert, S. L. (2005). Gender, identity, and language use in teenage blogs. *Journal of computer-mediated communication*, 10(2), JCMC10211, 1-20.
- Kamus Pelajar*. (2009). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan*. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Lee, S. Y. (2014). How do people compare themselves with others on social network sites?: The case of facebook. *Computers in Human Behavior*, 32(1), 253-260.
- Lenhart, A., Duggan, M., Perrin, A., Stepler, R., Rainie, H., & Parker, K. (2015). *Teens, social media & technology overview 2015*. Pew Research Center [Internet & American Life Project]. Diakses <http://www.pewinternet.org>
- Livingstone, S. (2008). Taking risky opportunities in youthful content creation: teenagers' use of social networking sites for intimacy, privacy and self-expression. *New media & society*, 10(3), 393-411.

- Marshelina Fatin (2014). The Differences between Men and Women Language Styles in Writing Twitter Updates. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa FIB*, 4(1), 24-35.
- Mashaei Naffise, Asadpour Mohammad, Pourrashidi Boshraadi Ahmad, Reza Hosseini Omid, Ayatollahi A, Bidaki Reza, & Arab BaniAsad Fatemah. (2013). The prevalence of Internet addiction among the students of Rafsanjan University of Medical Sciences. *ASEAN Journal of Psychiatry*, 14(2), 109-116.
- McKeown, S., Haji, R., & Ferguson, N. (2016). *Understanding Peace and Conflict Through Social Identity Theory*. Contemporary Global Perspectives. Switzerland: Springer.
- Mohd Isa, Hashim, Kaur, dan Ng. (2016). Internet addiction among adolescents in Malaysia: The prevalence and its association with Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD) symptoms. *Malaysian Journal of Psychiatry*, 25(1), 3-18.
- Muhammad Waseem Tufail, Rahmattullah Khan, & Muhammad Saleem. (2015). A link between Internet addiction and attention deficit hyperactivity disorder symptoms in Pakistani undergraduates. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(2), 71-80.
- Murphie, A., & Potts, J. (2017). *Culture and technology*. New York : Macmillan International Higher Education.
- Ngantcha, M., Janssen, E., Godeau, E., Ehlinger, V., Le-Nezet, O., Beck, F., & Spilka, S. (2018). Revisiting Factors Associated With Screen Time Media Use: A Structural Study Among School-Aged Adolescents. *Journal of Physical Activity and Health*, 15(6), 448-456.
- Noradilah Md Nordin & Mansor Abu Talib. (2009). Kesunyian dan Kesejahteraan Psikologi di Kalangan Pelajar Universiti di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 23(1), 27-37.
- Normah Mustaffa, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob & Helmi Abd. Rahim. (2013). Kebergantungan internet dan aktiviti online remaja di Lembah Kelang. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 1(29), 199-218.
- Nor Shafrin, Nor Hashimah, & Rahimi. (2009). Ekspresi Emosi dan Cara Remaja Mengawal Emosi: Satu Kajian Rintis. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 23(1), 39-47.
- O'Keeffe, G.S., Clarke-Pearson, K., & Council on Communications and Media. (2011). The impact of social media on children, adolescents, and families. *Journal of American Academy of Pediatrics Clinical Report*, 127(7), 800-804.
- Omwake, L. (1937). A study of sense of humor: its relation to sex, age, and personal characteristics. *Journal of Applied Psychology*, 21(6), 688-704.
- Paulus, F. W., Ohmann, S., von Gontard, A., & Popow, C. (2018). Internet gaming disorder in children and adolescents: a systematic review. *Developmental Medicine*

- & *Child Neurology*, 60(1), 645-660.
- Park, N., Kee, K. F., & Valenzuela, S. (2009). Being immersed in social networking environment: Facebook groups, uses and gratifications, and social outcomes. *CyberPsychology & Behavior*, 12(6), 729-733.
- Pempek, T. A., Yermolayeva, Y. A., & Calvert, S. L. (2009). College students' social networking experiences on Facebook. *Journal of applied developmental psychology*, 30(3), 227-238.
- Rahmat Shodiqin (2014). Termonologi Salam Dalam Islam. *Jurnal Al Maqayis*, 2(1),17-26.
- Rémond, J. J., & Romo, L. (2018). Analysis of gambling in the media related to screens: Immersion as a predictor of excessive use?. *International journal of environmental research and public health*, 15(1), 58.
- Shapira, N. A., Goldsmith, T. D., Keck Jr, P. E., Khosla, U. M., & McElroy, S. L. (2000). Psychiatric features of individuals with problematic internet use. *Journal of affective disorders*, 57(1-3), 267-272.
- Siti Hamin Stapa & Azianura Hani Shaari. (2012). Understanding online communicative language features in social networking environment. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(3), 817-830.
- Smith-Hefner, N. J. (2018). *Language, Youth and Identity in the 21st Century: Linguistic Practices across Urban Spaces*. Jacomine
- Nortier and Bente A. Svendsen, eds. Cambridge: Cambridge University Press.
- Soh, P. C. H., Chew, K. W., Koay, K. Y., & Ang, P. H. (2018). Parents vs peers' influence on teenagers' Internet addiction and risky online activities. *Telematics and Informatics*, 35(1), 225-236.
- Spielberger, C. D., Johnson, E. H., Russell, S. F, Crane, R. J., Jacobs, G. A., & Worden, T. J. (1985). The experience and expression of anger: Construction and validation of an anger expression scale. In M. A. Chesney & R. H. Rosenman (Eds.), *Anger and hostility in cardiovascular and behavioral disorders* (pp. 5-30). New York: Hemisphere.
- Sri Narti. (2017). Pemanfaatan “whatsapp” sebagai media komunikasi dosen. *Jurnal Professional FIS UNIVED*, 4(1), 26-44.
- Subrahmanyam, K., Reich, S. M., Waechter, N., & Espinoza, G. (2008). Online and offline social networks: Use of social networking sites by emerging adults. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 6(29), 420-433.
- Syed Ahmad Muhajir Alhaddad Syed Esa, Nurul Hudani Md Nawi, & Agnis Sombuling. (2018). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(2), 1-14.
- Tabotabo, L. M. B. (2017). Factors contributing to excessive use of screen gadgets and its effect to social and emotional functioning. *Asian Journal of Mathematical Sciences (AJMS)*, 1(02), 75-101.

- Twenge, J.M., Joiner, T.E., Rogers, M.L.M & Martin, G.N. (2018). Increases in depressive symptoms, suicide-related outcomes, and suicide rates among u.s. adolescents after 2010 and links to increased new media screen time. *SAGE Journal*, 6(1), 3–17.
- Uddin, M. S., & Mamun, A. A. (2018). Facebook Addiction Disorder: Is Facebook Really Addictive. *Abnorm Behav Psychol*, 4(135), 2472-0496.
- Ungku Aziz. (2005, 15 May). `Hidup bukan Que Sera, Sera" - Usaha capai keperibadian unggul bergantung kepada diri sendiri. *Mingguan Malaysia*. Diakses daripada <http://www.utusan.com.my/utusan>
- Valkenburg, P. M., Peter, J., & Schouten, A. P. (2006). Friend networking sites and their relationship to adolescents' well-being and social self-esteem. *CyberPsychology & Behavior*, 9(5), 584-590.
- Van Oosten, J. M., De Vries, D. A., & Peter, J. (2018). The importance of adolescents' sexually outgoing self-concept: Differential roles of self-and other-generated sexy self-presentations in social media. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 21(1), 5-10.
- Wan Hamzari, Ahmad Fauzi, dan Mokhtar (2011). Masalah ketagihan Internet dalam kalangan pelajar aliran Sains dari perspektif gender. *Masalah pendidikan*, 34(1), 25-36.
- Yang, C., Holden, S.M. & Carter, M.D.K. J Youth Adolescence (2018). Social media social comparison of ability (but not opinion) predicts lower identity clarity: Identity processing style as a mediator. *Journal of youth and adolescence*, 1 (12), 1-15.
- Young, K. S. (1998). Internet addiction: The emergence of a new clinical disorder. *Cyberpsychology & behavior*, 1(3), 237-244.